

Headline **KUALA LUMPUR**
Date **17. May 2008**
Media Title **Berita Harian**
Section **Nasional**
Circulation **217920**
Readership **2083000**

Language **MALAY**
Page No **27**
Article Size **40** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



KUALA LUMPUR

Elak abai belia

Golongan belia perlu difahami dan didekati dengan cara yang positif untuk membentuk sahsiah diri yang sempurna supaya mereka tidak berasa terabai dan tertekan dengan persekitaran.

Pensyarah Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Sarjit S Gill, berkata adalah sangat penting untuk memahami masalah remaja seterusnya isi hati mereka supaya maklumat positif dan negatif yang diterima dapat digunakan bagi membantu mereka.

"Mereka (belia) perlu dibantu supaya berasa lebih dihargai dan diambil peduli. Justeru, segala masalah dan maklumat yang disampaikan mereka haruslah digunakan sebaiknya untuk menolong mereka," katanya ketika ditemui di Konvensyen Belia Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di sini, baru-baru ini.